

Ku Li kekeringan modal

UM 12 OCT 1990.

ALUR SETAR 11 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Tunku Razaleigh kini kekeringan modal politik dan sanggup melakukan apa sahaja untuk membuat tohmahan terhadap kerajaan.

Perdana Menteri berkata, Presiden Parti Semangat 46 itu, kini menggunakan rakaman pita yang mengandungi tohmahan itu untuk diputarakan kepada para pengundi melalui telefon.

Berucap di majlis perjumpaan dengan jentera pilihanraya bahagian Kubang Pasu, Kota Setar dan Alur Setar di kediaman rasmi Menteri Besar, Mentalon beliau berkata rakaman pita itu mengandungi berbagai tohmahan mengenai sistem pendidikan, isu tol Cheras, hutang pinjaman luar negeri dan ada kegiatan rasuah dalam proses penswastan Keretapi Tanah Melayu (KTM).

Mengifatkan semua tohmahan itu sebagai tuduhan liar Tengku Razaleigh, Perdana Menteri meminta jentera parti supaya menangkis semua tohmahan itu semasa berkempen supaya rakyat tidak lekas terpengaruh.